

Dr Mahathir, Gus Dur bincang isu dua hala

BH 17 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak ada penekanan khusus akan dibincangkan dalam pertemuan beliau dengan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid di Langkawi, esok.

“Secara umumnya kita akan bercakap mengenai hubungan dua hala, hubungan dalam Asean dan mungkin (menyentuh) mengenai Asem (mesyuarat Asean-Eropah di Seoul bermula Jumaat ini),” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai agenda perbincangan beliau dengan Abdurrahman atau lebih dikenali sebagai Gus Dur, selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Gus Dur dijangka tiba di

pusat peranginan Langkawi tengah hari esok dan akan mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir sebelum mengadakan sidang akhbar bersama pada sebelah petang.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai isu kepimpinan Pertubuhan Kelabkelab Belia Malaysia (MAYC) yang menjadi rebutan antara Tan Sri Sanusi Junid dengan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menjawab soalan itu, beliau berkata: “Saya berpendapat eloklah kalau pertubuhan belia dipimpin oleh belia. Ini orang dewasa yang pimpin, nampak tak berapa eloklah.”

“Orang muda mestilah dipimpin oleh orang muda. Sudah tentu mereka (orang muda) tidak sebijak kita (orang tua) kerana kita

mempunyai lebih banyak pengalaman. Itu pendapat saya. Saya bukannya nak mengarah mereka.”

Sementara itu, Perdana Menteri berpuas hati dengan sambutan yang diberi penuntut Malaysia di Britain ketika mengadakan perjumpaan dan sesi dialog dengan mereka, baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata, dalam lawatan rasminya ke Britain selama 10 hari baru-baru ini, beliau berkesempatan berjumpa penuntut Malaysia di Cambridge dan Manchester.

“Nampak mereka begitu kuat menyokong kerajaan walaupun ada soalan yang berpunca daripada penyokong parti pembangkang.

“Tapi nampak sambutan terhadap jawapan diberi amat menggalakkan,” katanya.

Selain mengadakan perjumpaan dengan penuntut Malaysia, Perdana Menteri berkata, beliau turut mengadakan pertemuan dengan kumpulan intelek dan profesional Islam dan anggota Persatuan Malaysia-United Kingdom.

Mengenai beberapa tunjuk perasaan yang diadakan ketika lawatannya, Perdana Menteri berkata, ia bukan diadakan oleh rakyat negara ini.

Dr Mahathir berkata, ketika beliau mengadakan perjumpaan dengan kumpulan intelek dan profesional Islam, tunjuk perasaan diadakan rakyat Pakistan manakala tunjuk perasaan yang diadakan di Cambridge pula diadakan oleh rakyat kulit putih dari pertubuhan hak asasi manusia, Amnesty International.